

BAB 2

PERKEMBANGAN PENDIDIKAN TAMIL DI TANAH MELAYU

Pendidikan Tamil Awal (*Thinnai Palli*)

Pendidikan Tamil bagi kanak-kanak Tamil awal di Tanah Melayu telah pun bermula secara informal yang merupakan seakan-akan pendidikan pondok bagi kanak-kanak Melayu. Pendidikan Tamil yang awal ini dikenali sebagai *Thinnai Palli*¹. Pendidikan jenis ini kebiasaannya dijalankan di verandah rumah seperti apa yang dilakukan di India Selatan. *Thinnai* membawa maksud verandah atau kaki lima manakala *Palli* membawa maksud sekolah. Melalui sistem pembelajaran ini, pengajaran diadakan di hadapan rumah guru atau rumah pelajar. Biasanya, seorang *Aiyer* iaitu seorang Brahmin atau pun seorang sami kuil dan kadang-kadang sesiapa juapun yang boleh membaca dan menulis akan bertindak sebagai guru bagi kanak-kanak yang terlibat dalam *Thinnai Palli*. Kanak-kanak pula tidak begitu ramai, cuma mereka yang tinggal berhampiran dengan sesebuah kawasan perumahan.

Buku-buku di *Thinnai Palli* pula tidak begitu banyak. Kalau ada pun senashkah yang digunakan oleh guru sebagai bahan rujukan. Lazimnya, di bawah sistem pembelajaran secara informal ini, pelajar menulis di atas pasir dengan jari.² Biasanya pengajaran dijalankan di sebelah malam pada masa guru sudah pulang dari pekerjaannya. Apabila pelajar sudah mahir menulis di atas pasir, barulah mereka diberi peluang menggunakan daun lontar³ untuk menulis. Alat yang digunakan untuk menulis dikenali sebagai *Eluthaani*, iaitu sebatang besi yang tajam dan panjangnya seakan-akan sebatang pensil. Oleh kerana pendidikan jenis ini tidak formal maka waktu dan masa pengajaran

bergantung kepada guru yang mengajar. Pendidikan melalui sistem ini sentiasa diubahsuai mengikut kehendak guru.

Usaha masyarakat Tamil yang awal ini jelas membuktikan mereka ingin mengekalkan budaya hidup mereka yang diwarisi dari negara India walaupun mereka terpaksa merantau jauh meninggalkan tanah air mereka. Usaha orang yang celik huruf di kalangan mereka yang sudi memberi pengetahuan kepada anak bangsa mereka haruslah dipuji kerana mereka meluangkan tenaga dan masa tanpa mengharapkan sebarang ganjaran.

Perkembangan Sekolah Tamil di Negeri-negeri Selat Secara Umum

Sejarah perkembangan sekolah-sekolah Tamil sebagaimana sekolah-sekolah Cina dan Melayu telah bermula di NNS dan kemudian baru berkembang ke negeri-negeri Melayu. Sekolah-sekolah Tamil telah bermula sejajar dengan perkembangan ladang-ladang kopi, kelapa dan akhirnya getah. Kebanyakan masyarakat India di Tanah Melayu terdapat di estet. Majoriti daripada mereka adalah orang Tamil. Terdapat juga segelintir orang Malayalee dan Telugu.

Rekod paling awal tentang sekolah-sekolah Tamil dikaitkan dengan *Penang Free School*. Pada tahun 1821, dua buah sekolah dalam vernakular Tamil dan Melayu telah dibuka di premis *Penang Free School*. Sekolah Tamil itu telah beroperasi sehingga tahun 1823 dan sekolah Melayu dapat bertahan sehingga tahun 1826.⁴ Jangka hayat kedua-dua buah sekolah ini begitu singkat sekali.

The Singapore Free School pula telah dibuka pada tahun 1834, dengan diiringi oleh penubuhan sekolah vernakular rendah dengan guru-guru bahasa vernakular. Dengan itu jabatan-jabatan Melayu, Cina dan Tamil telah dibuka.⁵ Kelas Tamil yang pertama

terdiri daripada 18 orang pelajar manakala kelas vernakular Melayu dan Cina masing-masing terdiri daripada 12 orang pelajar dan kelas Bahasa Inggeris pula terdiri daripada 32 orang pelajar.⁶ Namun, bahagian Tamil telah dimansuhkan dan sekolah tersebut telah ditutup pada tahun 1839 disebabkan anggapan bahawa sekolah vernakular Tamil itu hanya membebankan sahaja dan tidak membawa sebarang faedah. Masalah seterusnya ialah kerumitan mendapatkan seorang Pengusaha Eropah (Superintendent) yang fasih dalam bahasa Tamil.

Di Melaka pula, menjelang tahun 1850, terdapat sebuah sekolah bantuan Anglo-Tamil di mana bahasa Inggeris bersama dengan bahasa Tamil diajar. Sekolah ini dapat bertahan selama sepuluh tahun.⁷ Menjelang tahun 1870-an lagi, sekolah-sekolah kecil telah mula dibuka di ladang-ladang di Province Wellesley (Seberang Perai), Melaka Butterworth, Johor dan akhirnya sekolah-sekolah ini telah berkembang ke seluruh Tanah Melayu di mana terdapat masyarakat India khususnya orang Tamil yang tinggal di ladang-ladang.

Sekolah-sekolah estet di Province Wellesley tidak lama kemudiannya telah diubah kepada aliran sekolah Anglo-vernakular kerana Pengurus sekolah-sekolah pada masa itu mendapati bahawa mempelajari bahasa Tamil sahaja tidak mencukupi bagi kanak-kanak yang hidup di negara yang berunsurkan poliglot. Sebagai peraturan, setelah lulus darjah dua dalam aliran Tamil, kanak-kanak tersebut telah diajar Bahasa Inggeris.⁸ Malangnya, mereka tidak dapat menumpukan perhatian kepada bahasa ibunda mereka. Tambahan pula, di ladang-ladang, tiada permintaan bagi pendidikan beraliran Inggeris. Dengan itu, Penyelia sekolah-sekolah India dalam laporannya pada tahun 1879, telah mencadangkan kanak-kanak di ladang hanya diajar dalam aliran Tamil sahaja kerana

pengajaran dalam aliran Anglo-Tamil bermakna kanak-kanak tersebut tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada dua bahasa pada satu masa yang sama. Jadi, mulai tahun 1900, telah diperjelaskan bahawa pengajaran di sekolah-sekolah estet hanyalah dalam bahasa Tamil sahaja.

Sekolah-sekolah ladang yang awal ini telah dibuka oleh pihak swasta tetapi diselia oleh kerajaan. Di setengah-setengah estet, kita dapat pengurus ladang sangat akur terhadap keperluan pendidikan kanak-kanak Tamil. Mereka sedar akan perlunya guru-guru yang benar-benar berkelayakan . Bila sekolah-sekolah ini telah layak mengikut kriteria yang ditetapkan oleh kerajaan, maka akan diberi bantuan. Namun, masalah yang melanda sekolah-sekolah Tamil ini ialah mendapatkan guru-guru Tamil yang berkelayakan serta efisyen.

Dasar Awal British Kepada Pendidikan Tamil

Di sebalik perkembangan awal tentang pendidikan Tamil di Tanah Melayu, kita dapat bahawa British sejak awal lagi tidak begitu berminat untuk menyediakan pendidikan Tamil bagi masyarakat Tamil di ladang. Namun pendidikan Tamil telah disediakan untuk menarik lebih ramai penduduk Tamil dari India supaya mereka datang bekerja di ladang-ladang di sini dan bukannya untuk menyediakan orang Tamil berpendidikan yang akan balik ke negara India dan memberi sumbangan di sana kelak.⁹ Oleh yang demikian, kualiti pendidikan Tamil kekal rendah.

British juga bagi kepentingan dirinya, menyediakan pendidikan Tamil supaya masyarakat Tamil tidak akan merasa bahawa mereka duduk jauh dan terasing dari tanah air mereka.. British ingin mewujudkan satu persekitaran seperti apa yang terdapat di

Ceylon (Sri Lanka) bagi masyarakat Tamil yang telah berhijrah ke sana. Juga atas tujuan politik supaya bahasa Tamil dijadikan bahasa *indigenous* di NNMB. Apa yang jelas di sini ialah sejak awal lagi British tidak manganggap penyediaan pendidikan Tamil sebagai tanggungjawab sosial, malahan apa yang dilakukannya adalah demi mengaut keuntungan sebanyak yang mungkin dengan pelaburan yang begitu sedikit, iaitu dalam kerangka masyarakat Tamil ialah penyediaan pendidikan Tamil pada tahap atau standard yang begitu rendah sekali. Pendidikan Tamil yang diperkenalkan oleh pihak British adalah umpama melepaskan batuk di tangga atau pun boleh ditafsirkan sebagai pemberian secara terpaksa.

Seperkara lagi ialah dasar British pada masa itu hanyalah menyediakan pendidikan vernakular Melayu bagi kanak-kanak Melayu sahaja walaupun pada dasarnya apa yang diberikan itu tidak memuaskan. Komuniti lain tidak diberi perhatian langsung. Masyarakat Cina pula telah mengambil langkah sendiri untuk menyediakan pendidikan bagi anak-anak mereka kerana di kalangan mereka pada masa itu sudah pun ada orang yang kaya dan *taukeh-taukeh* yang mampu memberi sumbangan kewangan. Bagi komuniti Melayu dan India khususnya Tamil, mahu tidak mahu terpaksa juga bergantung kepada pihak British untuk mendapatkan kemudahan pendidikan.

Selain daripada itu, pihak British juga enggan memberi perhatian serius demi perkembangan pendidikan Tamil disebabkan anggapan bahawa masih awal untuk membuat keputusan tentang status komuniti Tamil di Tanah Melayu. Bagi British, belum tiba masanya untuk bertindak ke arah menyediakan pendidikan bagi golongan ini. Resolusi tersebut telah diluluskan ekoran daripada maklumat yang diterima oleh W.H. Treacher iaitu Pemangku Residen General NNMB, bahawa terdapat kanak-kanak yang

berumur lapan tahun dan lebih, yang tiada peluang mendapat pendidikan.¹⁰ Bagi masalah ini alasan yang diberi untuk meluluskan resolusi tersebut ialah bahawa kanak-kanak yang patut pergi ke sekolah sedang membantu ibu bapa mereka bekerja di ladang. Alasan seterusnya ialah bahawa komuniti Tamil belum boleh dianggap sebagai komuniti yang menetap di Tanah Melayu. Jadi, British tidak rela melabur ke atas pendidikan bagi komuniti Tamil di NNMB. Sifat penduduk Tamil yang tidak tinggal menetap di sini adalah kerana mereka sentiasa bergerak dari satu tempat ke tempat lain mencari peluang pekerjaan yang lebih baik. Tambahan pula mereka tidak ada apa-apa ikatan tempatan di negara ini yang boleh menjamin mereka duduk menetap. Pendekata, mereka belum lagi membentuk masyarakat kampung dan tidak ada pertanian mahupun penternakan di ladang-ladang yang mereka tinggal itu, yang mana boleh menjamin mereka tinggal tetap di sini. Oleh yang demikian, untuk menarik minat imigren duduk menetap di sini, pihak British lebih rela menyediakan kuil tempat bersembahyang daripada mendirikan sekolah.

Bilangan penduduk India di NNMB pada tahun 1901 terdiri daripada lebih kurang 5000 orang Benggali dan 45,000 orang Tamil dari India Selatan.¹¹ Di kalangan mereka, terdapat kanak-kanak di bawah umur 15 tahun seramai 7000 orang manakala kanak-kanak Benggali merupakan lebih kurang 250 orang. Bagaimanakah mereka mendapat pendidikan? Anak-anak pekerja yang bekerja di sektor perladangan, Jabatan Keretapi, kerja-kerja perkeranian rendah di jabatan-jabatan kerajaan dan sebagainya lebih bergantung kepada majikan untuk menyediakan kemudahan pendidikan. Bagi mereka yang tinggal berhampiran dengan sekolah beraliran Inggeris dan berupaya membayar yuran sekolah, dapat belajar di sekolah aliran Inggeris tersebut. Namun kumpulan ini merupakan satu kumpulan yang sangat minoriti di kalangan orang Tamil tersebut.

Pada tahun 1900 telah disediakan tabung bagi pendidikan Tamil, sebagai satu dasar British. Ini termasuk bantuan kewangan bagi sekolah-sekolah Anglo-Tamil yang dibuka oleh mubaligh Kristian. Pendidikan Tamil yang dipelopori oleh mubaligh-mubaligh Kristian ini pula bertujuan mengajar dalam bahasa Tamil pada mulanya, dan kemudian diharapkan sekolah-sekolah ini menjadi sekolah Inggeris. Dengan itu, pada tahun 1900 terdapat sebuah sekolah Tamil dan tiga buah sekolah Anglo-Tamil di Perak, sebuah sekolah Tamil di Negeri Sembilan dan sebuah sekolah Anglo-Tamil di Selangor dengan jumlah keseluruhan pelajar lebih kurang 200 orang¹², padahal ramainya kanak-kanak Tamil di Tanah Melayu pada masa itu adalah 7000 orang.

Sikap British yang tidak mengendahkan tentang kepentingan pendidikan bagi kanak-kanak India umumnya dan kanak-kanak Tamil khususnya makin terserlah dengan kenyataan W.H.Treacher yang ternyata melepaskan tangan, dalam laporannya pada tahun 1901 yang berbunyi sedemikian:

*"It is not the proper policy for the Government to undertake the education of the alien, temporary education in their own language."*¹³

Sikap British yang tidak berminat terhadap pendidikan Tamil ini dapat dilihat dengan lebih jelas lagi apabila J.M.Driver iaitu Penyelia Sekolah-sekolah NNMB telah mengemukakan cadangan membuka sekolah industri bagi kanak-kanak imigren Tamil. Pada tahun 1902, Driver telah mencadangkan sekolah tersebut ditubuhkan dan diajar dalam bahasa Tamil dan bahasa Melayu. Untuk mempertahankan cadangan beliau, Driver telah mempertikaikan bahawa dari sudut politik mahupun pendidikan, tidak patut wujud jurang perbezaan di antara penyediaan pendidikan Melayu dan pendidikan vernakular

lain. Baginya, memang menjadi tanggungjawab setiap kerajaan untuk menyediakan pendidikan vernakular Tamil, apabila kerajaan tersebut boleh menyediakan pendidikan vernakular yang lain.

Seterusnya Driver mempertikaikan bahawa penyediaan sekolah-sekolah aliran yang berlainan seperti aliran Cina, Melayu, Tamil dan Bengali akan hanya membesar lagi jurang perbezaan di antara kaum khususnya bagi generasi-generasi yang akan datang. Penyediaan sekolah berbagai aliran ini adalah sesuatu yang bertentangan dengan dasar British yang ingin menaturalisasikan kaum-kaum pendatang itu. Namun cadangan Driver itu tidak mendapat persetujuan dalam Persidangan Residen yang telah berlangsung pada 18 Julai 1902.

Walaupun dasar British hanya menyediakan pendidikan bagi kanak-kanak Melayu sahaja, tetapi memandangkan pertambahan golongan imigren Tamil ini, maka telah dibuat satu pengecualian dalam kes yang melibatkan orang Tamil ini.¹⁴ Perubahan dasar ini membawa kepada tindakan British menubuhkan sekolah-sekolah Tamil mulai tahun 1905 dengan tujuan memberi gambaran kepada imigren India bahawa NNMB adalah *an oulying province of India* seperti Ceylon. Maka bolehlah dikatakan bahawa pihak British mula mengiktiraf pendidikan Tamil mulai tahun 1905. Orang India pula melihat pendidikan dalam bahasa ibunda mereka sebagai salah satu cara mengekalkan budaya yang telah mereka warisi dari India. Dekad-dekad seterusnya menyaksikan majikan-majikan ladang menyediakan sekolah-sekolah Tamil di ladang-ladang sebagai insentif bagi membawa masuk buruh Tamil dan sebagai satu cara menjaga hati mereka.

Kebanyakan sekolah-sekolah Tamil terdiri daripada sekolah estet yang kebiasaannya terdiri daripada sebahagian bangunan lama yang berfungsi sebagai sekolah.

Di sini, kerani estet atau pekerja lain umpamanya kangani atau pembantu perubatan di estet ditugaskan menjadi guru dan mengajar dua hingga tiga jam setiap hari sebagai sebahagian tugas sehariannya. Buku-buku didatangkan dari India atau Ceylon. Pokok pengajaran adalah perkara-perkara asas sahaja. Pendidikan selama empat tahun disediakan di sekolah-sekolah yang diuruskan dengan lebih baik, namun tidak difaedahkan sepenuhnya oleh para pelajar di estet. Perlu diambil perhatian bahawa pada tahap tersebut pendidikan bagi kanak-kanak India atau pun lebih khusus lagi kanak-kanak Tamil belum diwajibkan. Sebaliknya, bagi kanak-kanak Melayu yang tinggal berhampiran dengan sekolah adalah wajib mendapat pendidikan formal.

Perubahan Dasar British Kepada Pendidikan Tamil

Sejajar dengan pertambahan buruh imigren di Tanah Melayu, kerajaan NNMB pada awal tahun 1911 telah menubuhkan Jabatan Buruh. Dengan itu lahirlah Kod Buruh NNMB tahun 1912, yang menyediakan peruntukan untuk menjaga kepentingan kaum buruh imigren itu.

Akta Buruh NNMB Kod 1912 telah memperuntukkan kuasa kepada pentadbiran NNMB untuk menyediakan standard minima bagi rumah, hospital, rawatan perubatan, kesihatan, dan kebersihan di tempat-tempat bekerja terutamnya di ladang-ladang di mana terdapat bilangan pekerja yang ramai.¹⁵ Tetapi kajian secara kritis mendedahkan kepada kita bahawa akta ini tidak menyediakan peruntukan pendidikan bagi anak-anak pekerja buruh itu.

Hanya pada tahun 1921, Pengusaha Buruh (Controller of Labour) dengan pengubahsuaian kepada kod tersebut, telah diberi kuasa untuk mengarahkan estet-estet

supaya menyediakan kemudahan penjagaan kanak-kanak kecil yang mana ibu mereka adalah pekerja di ladang. Dua tahun kemudian, barulah telah keluar Kod Buruh yang baru yang diperkenalkan di NNMB dan NNS. Kod Buruh 1923 telah menyediakan perkara-perkara baru seperti yang dikehendaki oleh Akta Emigrasi Kerajaan India 1922.

Antara lain, akta tersebut menuntut penyediaan sekolah-sekolah oleh majikan di mana terdapat sepuluh orang kanak-kanak di antara umur tujuh hingga empat belas tahun dan terdiri daripada kaum yang sama. Penubuhan dan perjalanan sekolah tersebut adalah tanggungjawab majikan di mana semua perbelanjaan penyediaan pendidikan hendaklah ditanggung oleh majikan. Selain daripada itu, akta tersebut juga menekankan penubuhan pusat-pusat mengasuh anak di estet (yang sudah pun disediakan mulai tahun 1921), tambang percuma ke India dalam keadaan-keadaan tertentu, pengharaman pekerja kanak-kanak dan pemberian kemudahan bagi ibu-ibu mengandung. Menjelang tahun 1923, sekolah-sekolah Tamil di estet telah menjadi sebagai alat kebajikan.

Terdapat segelintir pengurus yang berprihatin telah menyediakan pendidikan Tamil ini sebelum ianya dijadikan wajib melalui Akta Buruh 1923. Ada juga pengurus yang terus tidak memberi perhatian yang secukupnya kerana bagi mereka undang-undang tersebut adalah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk diuruskan. Walau apa pun masalahnya, namun Kod Buruh 1923 telah merintis jalan kepada pembukaan lebih banyak sekolah-sekolah Tamil khususnya di ladang-ladang walaupun standard sekolah-sekolah tersebut tidak begitu memuaskan. Selepas daripada tahun tersebut juga kita dapat melihat sedikit sebanyak komitmen daripada pihak British terhadap kepentingan pendidikan Tamil di negara ini. Semua sekolah Tamil diselia oleh pihak British dan mana-mana sekolah yang layak akan diberi bantuan kewangan (grant-in-aid).

Jenis-jenis Sekolah Tamil Sebelum Merdeka

Umumnya terdapat empat jenis sekolah Tamil di bawah pentadbiran British di Tanah Melayu:

i. **Sekolah Kerajaan**

Sekolah jenis ini ditubuhkan dan diselenggarakan oleh kerajaan bagi anak-anak pekerja yang bekerja di bawah sektor kerajaan. Sekolah kerajaan disediakan atas keperluan Kod Buruh yang mengkehendaki majikan menyediakan kemudahan pendidikan bagi anak-anak pekerjanya. Pendidikan di sekolah-sekolah vernakular kerajaan adalah percuma. Kanak-kanak yang mendapat pendidikan dari sekolah percuma ini terdiri daripada anak-anak kepada ibu bapa yang bekerja di Jabatan Keretapi, Jabatan Kerja Raya, Lembaga Kebersihan (Sanitary Board) dan sebagainya. Jadi memang lazimnya sekolah kerajaan terdapat di kawasan bandar dengan enrolmen di antara 150 hingga 200 orang pelajar.

Perjalanan sekolah jenis ini adalah lebih efisyen kerana mendapat bantuan kewangan dan pengawasan yang secukupnya dari pihak kerajaan. Lazimnya sekolah-sekolah ini dikenali sebagai *Government Tamil School* ataupun Sekolah Tamil Kerajaan. Sebagai contoh terdapat *Government Tamil School Bungsar Road*, Kuala Lumpur yang telah didirikan oleh kerajaan bagi anak-anak pekerjanya yang bekerja di bawah Jabatan Keretapi. Juga terdapat sebuah lagi sekolah yang dibiayai oleh kerajaan yang dikenali sebagai *Government Tamil School, Klang*.

Bangunan sekolah-sekolah Tamil Kerajaan juga adalah dalam keadaan yang memuaskan atas kesanggupan kerajaan berbelanja. Gaji guru-guru juga dibayar oleh kerajaan dan pada masa gaji guru-guru di seluruh negara belum diselaraskan, gaji guru-

guru yang bekerja di sekolah jenis ini adalah lebih berbanding dengan gaji guru-guru sekolah jenis lain.

Oleh kerana sekolah ini terletak di bawah pengawasan pihak kerajaan, maka rekod-rekod mengenai sekolah-sekolah ini terdapat di dalam laporan tahunan pendidikan negeri. Sebaliknya tiada maklumat yang sedemikian mengenai sekolah yang dibiayai oleh pihak estet dan kalau ada pun tidak diberi satu penerangan yang menyeluruh tentang sekolah-sekolah estet itu.

ii. Sekolah Estet

Sekolah jenis ini telah wujud terutamanya disebabkan oleh Akta Buruh 1923 yang memberi tanggungjawab penyediaan pendidikan bagi kanak-kanak di ladang kepada pihak majikan. Sebelum termaktubnya Akta Buruh 1923, terdapat juga sekolah-sekolah estet sejajar dengan pembukaan ladang-ladang untuk tujuan pertanian, tetapi pembukaan sekolah-sekolah tersebut adalah atas ehsan pengurus itu sendiri dengan niat baik memberi pendidikan kepada anak-anak pekerjanya.

Sekolah-sekolah jenis ini merupakan sekolah pedalaman, biasanya beberapa batu dari jalan raya yang disediakan oleh kerajaan. Kedudukan sekolah jenis ini adalah berdekatan dengan rumah buruh supaya mudah pelajar dapat sampai ke sekolah. Sekolah jenis ini biasanya merupakan bangunan kecil dengan seorang atau dua orang guru. Kebiasaannya sekolah jenis ini terdiri daripada bilangan pelajar di antara 40 hingga 60 orang. Sekolah estet ini terdapat dalam bilangan yang banyak di Tanah Melayu kerana kawasan ladang merupakan tempat lebih kurang tiga perlima kanak-kanak masyarakat India mendapat pendidikan.¹⁶ Guru-guru sekolah ini biasanya terdiri daripada kangani,

pembantu perubatan atau kerani yang menjalankan tugas pengajaran sebagai sebahagian tugas harian mereka. Sekolah estet yang memenuhi syarat-syarat seperti yang dikehendaki oleh pihak pentadbiran kolonial akan mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan.

Jadual 2: Statistik Sekolah-sekolah Vernakular India di Ladang-ladang Negeri-negeri Melayu Bersekutu bagi Tahun 1932

NEGERI	Bil. Sekolah Bantuan Kerajaan	Bil. Sek. Yang Tidak Dibantu Oleh Kerajaan
PERAK	59	48
SELANGOR	91	29
NEGERI SEMBILAN	26	9
PAHANG	7	-
JUMLAH	183	86

Sumber: Annual Report of the Labour Department, Malaya, 1933, hal. 62.

Berdasarkan kepada jadual di atas, terdapat sebanyak 269 buah sekolah India, yang terdiri daripada bahasa pengantar Tamil, Malayalam dan Telugu, di ladang atau lebih dikenali sebagai estet di NNMB bagi tahun 1932. Ini termasuk sekolah-sekolah yang mendapat bantuan kerajaan dan sekolah yang tidak mendapat bantuan tersebut. Sekolah-sekolah yang mendapat bantuan kerajaan adalah lebih bilangannya berbanding dengan sekolah-sekolah yang tidak mendapat bantuan kerajaan. Sekolah yang tidak mendapat bantuan kerajaan adalah disebabkan, tidak memenuhi syarat yang ditetapkan oleh kerajaan.

Di antara NNMB tersebut dapat dirumuskan bahawa negeri Selangor mempunyai bilangan sekolah yang banyak iaitu 120 buah kesemuanya. Ini dengan sendirinya membuktikan bahawa Selangor mempunyai lebih banyak ladang berbanding dengan NNMB yang lain. Ini juga membuktikan bahawa bilangan penduduk India khususnya masyarakat Tamil terdapat dalam bilangan yang banyak di Selangor dan diikuti oleh Perak. Pahang menampakkan bilangan sekolah ladang yang paling kurang sekali dan sekaligus membuktikan tidak ramai masyarakat India yang menetap di negeri tersebut.

iii. Sekolah Mubaligh

Sekolah jenis ini dikendalikan oleh mubaligh Kristian, malahan tidak menjadi keterlaluan jika diperkatakan pendidikan bagi kanak-kanak Tamil di Tanah Melayu telah dipelopori oleh mubaligh-mubaligh Kristian ini, umpamanya mubaligh Kristian daripada Mazhab Methodist. Sekolah-sekolah jenis ini juga mendapat bantuan daripada kerajaan. Beberapa contoh sekolah-sekolah jenis ini adalah seperti *Anglo Tamil School Kuala Lumpur* dan *Methodist Mission Anglo- Tamil School*.

Selain daripada itu terdapat juga sekolah Tamil yang dibuka oleh mubaligh Hindu yang berorientasikan reformasi iaitu *Ramakrishna Mission* yang telah membuka Sekolah Tamil Vivekananda di Brickfields. Pertubuhan Hindu yang digelar sebagai *India Samarasa Sanmarga Sangam* telah menujuhkan Sekolah Tamil Jalan Klang.¹⁷ Sekolah yang dikendalikan oleh badan mubaligh biasanya terdapat di kawasan bandar sama seperti sekolah yang disediakan oleh kerajaan.

Sekolah mubaligh Kristian bertujuan pada mulanya memberi pendidikan dalam bahasa Tamil, tetapi diduga bahawa sekolah ini akan menjadi sekolah Inggeris.¹⁸

Perjalanan sekolah-sekolah yang dikendalikan oleh mubaligh adalah lebih bersistematik dan terurus berbanding dengan sekolah-sekolah jenis lain.

iv Sekolah Komiti (Committee)

Sekolah jenis ini telah dibuka melalui usahasama satu jawatankuasa yang terdiri daripada beberapa orang ahli yang memberi tumpuan kepada kepentingan awam khususnya bagi masyarakat India. Sekolah jenis ini juga dikenali sebagai Sekolah Jawatankuasa. Ahli-ahli jawatankuasa tersebut terdiri daripada penduduk tempatan dan mereka mengutip bayaran langganan (subscription) daripada penduduk tempatan yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut. Wang yang dikutip itu digunakan untuk penyelenggaraan bangunan sekolah dan lain-lain kos yang tidak ditanggung oleh kerajaan. Sekolah jenis ini lazimnya terdapat di kawasan-kawasan bandar. Sebuah sekolah yang sedemikian ialah Sekolah Tamil Saraswathi yang terdapat di Sungai Buloh, Selangor.

Satu masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah ini ialah ianya biasanya beroperasi di rumah kedai yang tidak berapa selesa. Selain daripada itu, sekolah jenis ini mengalami masalah kewangan apabila penduduk India dari kawasan sekeliling berpindah ke tempat lain untuk mencari punca pendapatan baru. Dalam keadaan ini anak-anak mereka juga turut ditukar sekolah. Ini menyebabkan langganan yuran bulanan bagi sekolah tersebut berkurangan, yang membawa kepadakekangan perjalanan sekolah komiti ini.

Apabila wang langganan berkurangan, maka jawatankuasa menghadapi masalah untuk membiayai penyelenggaraan sekolah. Dengan timbulnya masalah ini maka perjalanan sekolah terpaksa bertukar jawantankuasa baru untuk meneruskan operasinya.

Perjalanan Sekolah Tamil Sebelum Merdeka

Kebanyakan sekolah khususnya sekolah-sekolah estet beroperasi selama empat jam, tetapi dengan kebenaran khas, masa pengajaran boleh dikurangkan. Kebiasaannya, tiga jam diperuntukkan pada sebelah pagi untuk kanak-kanak yang muda dan tiga jam pada sebelah petang bagi pelajar-pelajar yang lebih tua. Pada tahun 1931, dicadangkan sebagai satu langkah sementara akibat kemelesetan ekonomi, untuk sekolah-sekolah dibenarkan dibuka pada sebelah petang sahaja tetapi dalam kes ini bantuan yang diterima adalah Gred III sahaja¹⁹. Bilangan tahun untuk menamatkan pelajaran rendah ialah selama enam tahun. Tetapi jarang sekali pelajar, belajar hingga ke tahap atau darjah yang paling tinggi itu.

Ada di antara kanak-kanak masuk belajar semasa umur mereka lima atau enam tahun. Terdapat juga kanak-kanak dalam lingkungan umur tiga belas atau empat belas tahun tetapi jarang sekali terdapat pelajar yang belajar selepas empat tahun di bangku persekolahan. Ada juga ramai kanak-kanak yang berhenti selepas lulus Darjah I atau II. Ini banyak berlaku di sekolah-sekolah komiti dan sekolah-sekolah ladang. Sebab pertama ialah ibu bapa yang berpendidikan di kawasan bandar, ingin memberi pendidikan asas dalam bahasa ibunda selama satu atau dua tahun. Kemudian mereka memberhentikan anak mereka dari sekolah Tamil dan menghantar mereka ke sekolah aliran Inggeris. Dalam keadaan ini anak-anak mereka tidak akan tertinggal dalam

pelajaran. Dalam keadaan yang lain pula, kebanyakan ibu bapa di ladang ingin mengeksplotasi tenaga anak-anak mereka seawal yang mungkin menyebabkan mereka bertindak menamatkan persekolahan anak-anak mereka setelah satu atau dua tahun belajar. Keadaan-keadaan sebeginilah yang menyebabkan kekurangan pelajar dalam darjah-darjah yang lebih tinggi.

Jadual 3: Pelajar Sekolah Tamil di Negeri-negeri Melayu Bersekutu bagi Tahun 1935

Kelas	Bil. dalam kelas			Peratus jumlah enrolmen		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Primary	4,667	2,734	7,401	52.5	68.8	57.5
Darjah 1	1,634	616	2,250	18.4	15.5	17.5
Darjah 2	1,241	321	1,562	14.0	8.1	12.2
Darjah 3	753	185	938	8.5	4.6	7.3
Darjah 4	506	99	605	5.7	2.5	4.7
Darjah 5	85	16	101	0.9	0.4	0.8
Darjah 6	3	2	5	0.0	0.1	0.0
JUMLAH	8,889	3,973	12,862	100.0	100.0	100.0

Sumber: Federated Malay States, Annual Report of the Education Department for the Year 1935.

Jadual di atas jelas menunjukkan bahawa enrolmen pelajar-pelajat Tamil semakin berkurangan dengan drastik semakin mereka melangkah ke darjah yang lebih tinggi. Ini merupakan satu perkembangan yang negatif kerana para pelajar tidak digalakkan untuk meneruskan pelajaran sedangkan umur mereka semakin meningkat. Dapatlah kita

andaikan bahawa semakin meningkat umur mereka, semakin banyaklah tenaga mereka digunakan untuk menambahkan pendapatan keluarga.

Pada tahun 1947, 85.6 peratus, pada tahun 1948, 82.3 peratus dan pada tahun 1949, 73.8 peratus daripada kanak-kanak sekolah Tamil di Persekutuan adalah kanak-kanak yang terdiri daripada darjah satu dan dua.²⁰ Hanya segelintir sahaja daripada kanak-kanak Tamil yang kemudiannya melanjutkan pelajaran ke darjah-darjah yang lebih tinggi.

Enrolmen di sekolah-sekolah India di Persekutuan (termasuk Telugu dan Malayalee) bagi tahun 1949 adalah 38,743 orang pelajar (23,819 pelajar lelaki dan 14,924 pelajar perempuan) berbanding dengan jumlah pelajar seramai 35,456 orang pelajar (21,690 pelajar lelaki dan 13,766 pelajar perempuan) pada tahun 1948.²¹ Tahun 1949 menampakkan pertambahan seramai 3,287 orang pelajar (2,129 pelajar lelaki dan 1,158 pelajar perempuan). Pertambahan ini tidak membawa kesesakan di dalam bilik darjah kecuali di sekolah-sekolah bandar sehingga ada sekolah yang terpaksa menambahkan ruang bilik darjah. Satu-satunya masalah yang timbul akibat daripada pertambahan pelajar ialah kekurangan guru yang benar-benar ada kelayakan akademik. Ini menyebabkan Jabatan Pelajaran terpaksa mengurangkan syarat kelayakan akademik yang minimum. Kelayakan minimum adalah lulus Darjah VII peperiksaan yang dikendalikan oleh kerajaan, tetapi ada guru-guru yang hanya mempunyai kelayakan lulus Darjah VI sahaja yang dapat mengambil jawatan guru di sekolah Tamil. Kebiasaannya, guru-guru yang sedemikian adalah mereka yang sedang membuat persediaan untuk mengambil peperiksaan Darjah VII yang membolehkan mereka kekal dalam jawatan perguruan.

Di sekolah-sekolah estet, pendidikan diberi secara percuma, ada sekolah yang memberi pakaian seragam percuma (yang biasanya dibeli melalui hasil keuntungan jualan toddy dengan diawasi oleh pengurus ladang). Pemberian pakaian seragam ini sedikit-sebanyak dapat membantu dalam mempertingkatkan perasaan bangga pada diri sendiri dalam diri kanak-kanak Tamil itu. Ibu bapa pula akan mendapat beras percuma kalau kehadiran anak-anak mereka adalah memuaskan.²² Pendidikan percuma juga diberikan kepada pelajar yang belajar di sekolah-sekolah yang dikendalikan oleh badan-badan mubaligh, Kesatuan India dan juga yang dikendalikan oleh kerajaan. Pendidikan bagi kanak-kanak India sebelum merdeka bukanlah wajib.

Buku-buku pula dari awal lagi dibawa dari India yang mana digunakan untuk sekolah-sekolah di negara itu. Tetapi lama-kelamaan, terdapat usaha untuk mengeluarkan buku-buku dalam Bahasa Tamil mengikut keperluan dan perspektif tempatan.

Secara umumnya, sekolah-sekolah Tamil ada mempunyai ruang atau tapak permainan. Lazimnya pelajar-pelajar bermain permainan yang mudah, contohnya bola sepak. Ada sekolah-sekolah Tamil yang mempraktikkan aktiviti ko-kurikulum berbentuk tradisional, contohnya tarian tradisional India. Salah satu sebabnya tarian seumpama ini diadakan ialah untuk mengekalkan ciri-ciri budaya yang mereka telah warisi dari negara India dan sebagai salah satu elemen nostalgik.

Kurikulum Sekolah Tamil Sebelum Merdeka

Kurikulum sekolah Tamil sebagaimana sekolah-sekolah aliran lain boleh dikaji berdasarkan kepada matapelajaran dan sukanan pelajarannya.

Matapelajaran yang diajar di sekolah-sekolah Tamil ialah membaca, menulis dan mengarang, Matematik, Ilmu Kesihatan, Pendidikan Jasmani, perkebunan, dan bagi kelas-kelas tahap lebih tinggi diajar subjek-subjek penulisan dan Geografi.²³ Tahap pencapaian dalam subjek-subjek tersebut adalah berbeza dari sebuah sekolah dengan sekolah lain, bergantung kepada kebolehan guru dan pelajar serta keadaan persekitaran. Lebih kurang 80 peratus daripada sekolah-sekolah Tamil mempunyai tanah untuk berkebun dan kebanyakan kebun-kebun ini mendapat laporan baik daripada pihak Penyelia Sekolah. Di sini timbul satu persoalan iaitu kerajaan menggalakkan kemahiran berkebun di kalangan kanak-kanak sekolah. Ini menunjukkan kerajaan ingin mengekalkan sikap dan minda pelajar dalam bidang pertanian sahaja dan bukan ingin melahirkan para pelajar yang lebih berkebolehan.

Matematik dan Geografi biasanya, mempunyai tahap pencapaian yang rendah berbanding dengan subjek-subjek lain. Matematik diajar dengan menggembangkan alatan yang terdapat di kawasan sekolah. Di sekolah-sekolah estet, biji-biji getah menggantikan pembilang berwarna-warni yang terdapat di sekolah beraliran Inggeris. Alat bantuan mengajar yang lain ialah kad imbasan, kad matematik dan *toy shops*. Seringkali alat bantuan mengajar ini dibuat dengan bahan buangan atau daripada barang yang diedarkan oleh Jabatan Pendidikan, menunjukkan di sekolah-sekolah Tamil, kemajuannya adalah berdasarkan era yang lebih moden.

Buku-buku bagi kedua-dua subjek iaitu Matematik dan Geografi yang berorientasikan situasi tempatan sukar diperolehi kerana tiada penulis-penulis tempatan yang menulis buku-buku bagi subjek-subjek tersebut. Ini juga merupakan salah satu sebab mengapa pencapaian bagi kedua-dua subjek ini amat rendah.

Bahasa Inggeris tidak diajar di sekolah-sekolah Tamil, tetapi terdapat juga sekolah-sekolah di kawasan bandar yang mengajar Bahasa Inggeris di sebelah petang, sama seperti di sekolah-sekolah Inggeris yang menjalankan pengajaran Bahasa Tamil di sebelah petang.²⁴ Melalui cara ini pelajar dapat pelajari satu bahasa tambahan.

Di sekolah-sekolah yang ada guru wanita, kelas jahitan diadakan, tetapi, malangnya di sekolah-sekolah estet, di mana terdapatnya kebanyakan sekolah Tamil, memang amat berkurangan tenaga guru wanita. Selain daripada itu, di sekolah-sekolah yang ada guru-guru yang boleh mengajar subjek berhubung dengan kraftangan, maka subjek tersebut juga dimasukkan ke dalam jadual waktu.

Pendidikan Jasmani juga diberi tumpuan pada tahun-tahun selepas pendudukan Jepun. Kursus-kursus sering diadakan oleh *Superintendant of Physical Education* serta sukatannya juga disemak kembali dan dicetak ke dalam bahasa Tamil untuk diedarkan ke semua sekolah Tamil.²⁵ Semua usaha ini adalah untuk memastikan perjalanan subjek ini tidak diambil mudah untuk perkembangan fizikal pelajar.

Kegiatan sukan juga diadakan di sekolah-skolah India, khususnya di sekolah-sekolah Tamil. Bagi kegiatan-kegiatan seperti ini, hadiah biasanya disumbangkan oleh penduduk tempatan atau pekedai-pekedai. Begitu juga dengan pengurus-pengurus ladang yang tidak tergamac dalam memberi sokongan terhadap perjalanan aktiviti sukan.

Aktiviti ko-kurikulum yang berunsurkan persatuan pakaian seragam hanya mendapat perhatian di segelintir sekolah Tamil sahaja pada lewat tahun 1940-an, bermula dengan pasukan Pengakap Lelaki. Namun, sekolah-sekolah yang menunjukkan minat untuk mengadakan pasukan ini terpaksa melalui berbagai-bagai halangan; pertamanya, terdapat banyak sekolah yang beroperasi dengan seorang guru sahaja dengan

enrolmen yang amat berkurangan, diikuti pula dengan kekurangan pengalaman dalam menjalankan aktiviti pasukan Pengakap Lelaki di kalangan guru-guru yang mempunyai minat untuk menjalankan kegiatan tersebut.

Seperkara lagi ialah kedudukan sekolah-sekolah Tamil di ladang-ladang iaitu di kawasan pedalaman menyebabkan mereka tidak dapat menghadiri kursus berkaitan dengan latihan ko-kurikulum. Oleh yang demikian kita dapat melihat bahawa kegiatan ko-kurikulum berunsurkan pakaian seragam biasanya wujud di sekolah-sekolah bandar yang besar di mana terdapat lebih daripada seorang guru.

Perkembangan pendidikan Tamil di Tanah Melayu tidak lari daripada penyediaan Sukatan Pelajaran bagi matapelajaran-matapelajaran yang diajar. Kajian tentang sukanan pelajaran sekolah Tamil menunjukkan bahawa terdapat satu sukanan pelajaran yang disediakan oleh pihak British pada tahun 1908, namunuraian yang terdapat dalam sukanan tersebut bukan terperinci. Umpamanya dalam sukanan pelajaran tahun 1908, dinyatakan tentang matapelajaran Matematik Darjah I di mana pelajar perlu menguasai kemahiran tambah dan tolak tidak lebih dari tiga digit.²⁶ Tidak dinyatakan berapakah angka yang perlu dikuasai oleh pelajar Darjah I.

Sukanan Pelajaran ini berbeza dengan Sukanan Pelajaran tahun 1936 dalam ertikata ianya disediakan dengan lebih terperinci.²⁷ Berdasarkan kepada Sukanan Pelajaran tahun 1936, pemeringkatan bagi setiap matapelajaran diberi mulai tahap *Primary* atau lebih dikenali sebagai kelas tadika²⁸, sehingga kepada Darjah V.

Sebagaimana yang diketahui di sekolah-sekolah India, bahasa pengantaranya ialah bahasa Tamil, Malayalam dan Telugu. Sukanan Pelajarannya menekankan tiga kemahiran asas iaitu **3M** yang merangkumi kemahiran membaca, menulis dan mengira.

Kemahiran **Bacaan**, bermula sejak tahap Primary lagi dan unsur-unsur dalam aspek ini adalah seperti berikut:

- i. mengenali huruf-huruf yang mudah, sebagai contoh, உ ஏ ஒ
- ii. mengenali huruf-huruf yang lebih kompleks seperti, வு யு ஸ்
- iii. membaca perkataan yang terdiri daripada dua, tiga dan empat huruf yang mudah, contohnya, புட படி பார்ம பட்டாஸ்
- iv. membaca frasa pendek dan ayat-ayat yang terdiri daripada perkataan-perkataan yang dibentuk oleh dua , tiga dan empat huruf, contohnya; பட்டாஸ் பம்பார்ம்

Kemahiran asas yang telah dikuasai oleh pelajar Primary, akan diperkuatkan lagi di Darjah I dengan pembacaan buku-buku yang disyorkan dalam tahap *Reader I*. Bagi Darjah II buku-buku yang disyorkan ialah buku *Reader II* sehinggaalah buku *Reader V* bagi pelajar-pelajar Darjah V. Apabila pelajar sampai ke Darjah IV, mereka seharusnya boleh membaca manuskrip serta membaca secara senyap (silent reading) yang akan diteruskan ke Darjah V. Semasa di Darjah V, pelajar seharusnya boleh menjawab soalan pemahaman dari teks *Panchatantram*. Apabila pelajar dapat menguasai semua aspek yang disebutkan tadi, maka seseorang pelajar itu boleh dianggap sebagai mahir dalam bacaan .

Penulisan bagi sekolah-sekolah Tamil juga bermula dengan tahap Primary, di mana pelajar pada tahap ini diajar membentuk huruf-huruf mudah, diikuti dengan membentuk huruf-huruf yang lebih kompleks. Proses ini bermula dengan penyusunan manik, biji-bijian dan kayu tanpa menggunakan alat tulis. Setelah pelajar pandai

membentuk huruf dengan cara penyusunan tadi, barulah mereka dibenarkan menulis di atas pasir.

Proses ini dipertingkatkan lagi dengan membentuk perkataan di atas *slate* dan kemudian di atas papan hitam. Perkataan yang disalin adalah dari buku bacaan mengikut tahap darjah masing-masing kerana membaca dan menulis adalah proses yang serentak. Setelah pelajar pandai menulis huruf dan perkataan, mereka diajar menyalin ayat-ayat dan perenggan di darjah yang seterusnya berpandukan buku-buku yang digunakan untuk bacaan.

Proses penyalinan semula daripada buku akhirnya dilanjutkan kepada penghasilan karya-karya sendiri oleh pelajar dan proses ini bermula sejak Darjah II lagi. Penekanan diberi kepada pembentukan ayat yang betul, menulis cerita dan menulis surat.

Penggunaan manik, kayu dan pasir adalah supaya pelajar menguasai pergerakan tangan supaya dapat menghasilkan tulisan huruf yang kemas. Pengulangan banyak kali amat dititikberatkan sehingga pelajar sendiri dapat merasai keletihan dan kesakitan tangan terutamanya semasa mereka menulis di atas pasir.

Sajak dan Nyanyian merupakan matapelajaran yang tidak berat dan teks yang dipilih adalah mengikut tahap keupayaan pelajar sesuatu darjah itu. Matapelajaran ini bolehlah dianggap sebagai matapelajaran sampingan bagi menguatkan lagi kemahiran 3M tadi terutamanya bagi kemahiran membaca.

Kemahiran mengira diterapkan melalui matapelajaran **Matematik**. Matapelajaran ini mula diajar dari tahap *Primary* lagi di mana pelajar seharusnya mengenali angka 1 hingga 50 berdasarkan kepada contoh-contoh yang konkret. Setelah mengenali angka-angka tersebut mereka dikehendaki memanipulasikan nombor 1 hingga 20 dalam aspek

tambah dan tolak. Bagi melicinkan pengajaran dan pembelajaran matapelajaran ini, benda-benda konkrit seperti biji-bijian, manik dan kayu digunakan. Dalam tahap ini juga pelajar diperkenalkan sifir 1 dan 2.

Apabila pelajar naik ke Darjah 1, mereka diajar mengenali angka sehingga 999. Sifir 1 hingga 6 dilanjutkan di Darjah 1. Di samping itu *Mental Arithmetic* dalam bentuk tambah dan tolak sehingga nombor 50 harus dikuasai oleh pelajar.

Darjah II pula bermula dengan pengenalan hingga nombor 9999 serta pecahan $\frac{1}{2}$, $\frac{1}{4}$ dan $\frac{3}{4}$ sementara di Darjah III pula, pelajar seharusnya menguasai sehingga nombor 100,000. Selain daripada itu, pelajar juga diajar menguasai pengiraan yang melibatkan timbangan berat dan panjang.

Di Darjah IV pula, pelajar diajar menguasai sehingga nombor 1,000,000. Dalam aspek pengiraan pula , pelajar diajar kira-kira yang melibatkan wang tempatan dan wang India. Yang menarik ialah pelajar diajar cara-cara mengira penukaran wang NNS kepada wang India yang merupakan satu aspek yang sangat diperlukan kepada masyarakat India pada masa dahulu kerana mereka masih mempunyai hubungan dan ikatan terhadap negara India. Angka perpuluhan juga diperkenalkan sementara di Darjah V pula mereka diajar mengenali dan menguasai sehingga nombor 10,000,000.

Geografi adalah matapelajaran yang tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan 3M, maka ianya mula diajar dari Darjah I dan bukannya sejak tahap Primary lagi. Pengajaran bermula dengan guru membaca bahan-bahan dari buku *First Year in Geography Part I*. Sebagai permulaan, pengetahuan tentang tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan tempatan serta idea tentang arah dan jarak diperkenalkan.

Di Darjah II pula, pelajar diajar tentang haiwan liar dan haiwan domestik yang seharusnya diajar di dalam matapelajaran Sains. Malangnya matapelajaran Sains ini tidak diajar di sekolah Tamil. Pengajaran kemudian diteruskan kepada memperkenalkan persekitaran sekolah seperti bukit, sungai, pulau, gunung dan sebagainya. Bersesuaian dengan kehidupan seharian, cara-cara penggunaan perkhidmatan pos diperkenalkan dengan penekanan kepada cara-cara menghantar bungkusan, telegram serta mesej telefon.

Di Darjah III, pengajaran menjadi lebih kompleks dengan pengenalan peta, penggunaan kompas serta menghantar wang pos ke India. Bentuk muka bumi dan pergerakannya juga diperkenalkan. Darjah IV menyaksikan pengajaran peta Semenanjung Tanah Melayu. Sistem komunikasi termasuk perjalanan ke India dan Ceylon juga diperkenalkan. Oleh kerana tidak ada buku Geografi tempatan, maka di Darjah V, buku teks bertajuk *Geography of the Madras Presidency* digunakan bagi melicinkan pengajaran.

Lukisan dan kerja tangan tidak boleh diajar di sekolah-sekolah yang tiada guru yang berkemahiran atau guru terlatih dalam matapelajaran ini. Jadi, kebiasaannya matapelajaran ini tidak diajar di kebanyakan sekolah-sekolah ladang kerana biasanya guru-guru yang tidak terlatih mengajar di kebanyakan sekolah-sekolah ladang.

Pengetahuan Am pula merupakan satu matapelajaran yang berkisar di sekitar perkara-perkara harian termasuk *Nature Study*, Perkebunan juga termasuk di dalam matapelajaran ini di mana pelajar diajar tentang komposisi tanah, baja, serta cara-cara menanam tumbuh-tumbuhan. Di bawah matapelajaran ini juga diajar Pendidikan Kesihatan yang merangkumi kebersihan diri, makanan dan tempat kediaman. Dalam

Darjah III pula pelajar diajar tentang kepentingan senaman dan rehat. Mereka juga diberi pendedahan tentang penyakit.

Pengetahuan Am juga merangkumi Pendidikan Moral dan Kelakuan Baik, supaya kurikulum sekolah pada masa itu dapat melahirkan pelajar yang berbudi pekerti, hormat-menghormati serta menjadi rakyat yang setia. Disyorkan matapelajaran ini diajar dengan cara bercerita.

Dengan itu kita dapat melihat bahawa sukanan pelajaran sekolah Tamil sebelum merdeka adalah satu sukanan yang menjurus kepada perkembangan keseluruhan seseorang pelajar itu dari segi mental, emosi dan fizikal. Namun demikian, matapelajaran-matapelajaran seperti Sains dan Sejarah tidak dimasukkan ke dalam sukanan dan ianya boleh dikatakan satu pengurangan dalam sukanan pelajaran tersebut.

Pendidikan Tamil Sebelum Perang Dunia Kedua

Pendidikan Tamil sebelum Perang Dunia Kedua hanya disediakan sehingga tahap rendah sahaja iaitu selama enam tahun dan ada sebilangan kecil sekolah yang mengajar Darjah VII. Namun kebanyakan pelajar berhenti setelah tamat Darjah III. Bahasa pengajaran hanyalah bahasa Tamil sahaja. Bahasa Inggeris atau bahasa Melayu tidak diajar, jadi pelajar tiada peluang untuk melanjutkan pelajaran setelah tamat peringkat rendah. Ada sebilangan kecil sekolah yang mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa tambahan.

Pelajar-pelajar yang belajar di sekolah Tamil pada masa itu tidak memperolehi sesuatu kemahiran khusus.²⁹ Sistem persekolahan Tamil tidak menyediakan sebarang

peluang untuk seseorang kanak-kanak untuk mencapai mobiliti sosial yang lebih baik daripada ibu bapanya seperti yang dibuktikan oleh kenyataan di bawah:

"... Indian parental expectations toward their children's education soon pave the way for their transition from the few years of vernacular schooling on the estate to wielding their father's knife among the rubber trees thus, the self perpetuating cycle continues."³⁰

Terdapat jurang yang amat besar di antara pelajar India yang menghadiri sekolah Inggeris dan pelajar yang menghadiri sekolah Tamil pada tahap awal itu. Pelajar dari sekolah Inggeris nampaknya mempunyai masa depan yang lebih cerah. Dalam pada itu dari masa ke semasa, terdapat juga rungutan daripada pihak-pihak tertentu kepada pihak atasan tentang ketidakpuasan pencapaian kanak-kanak sekolah Tamil umpamanya:

"...the parents of coolies children were conversing with their friends that their children are learning in the estate schools for more than three years and not able to read any word in a book they give and unable to solve any simple kanak (mathematics) given."³¹

Daripada kenyataan tersebut, dapat kita membuat kesimpulan bahawa sekolah-sekolah Tamil khususnya di ladang, pada tahap awal itu hanyalah merupakan tidak lebih daripada tempat mengasuh kanak-kanak dengan fungsi guru sebagai penjaga. Guru-guru tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya, kerana kebiasaan seorang guru sahaja ditugaskan untuk bekerja di sebuah sekolah dengan kanak-kanak yang berbagai-bagai tahap umur serta tahap pencapaian akademik.

Pendidikan Tamil Selepas Perang Dunia Kedua

Pada masa pendudukan Jepun sekolah-sekolah Tamil yang dibuka diajar bahasa Jepun sebagai mata pelajaran tambahan. Pentadbir tentera Jepun menubuhkan sekolah-sekolah *Nippon-go* untuk menggantikan sekolah vernakular dan sekolah-sekolah Inggeris.³² Pengajaran *Nippon-go*, lagu-lagu klasik Jepun dan kebudayaan Jepun diberikan penekanan khusus dalam kurikulum sekolah rendah.

Sekembalinya British ke Tanah Melayu pada tahun 1946, sekolah-sekolah yang ada sebelum perang telah didaftar kembali. Selepas daripada itu barulah sistem pendidikan mula mendapat perhatian pihak British. Pada tahun 1950, sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh L.J. Barnes telah ditugaskan untuk menyemak dan memperbaiki pendidikan kaum Melayu.³³ Dengan itu Laporan Barnes (1951) menyatakan bahawa untuk memajukan pendidikan Melayu, seluruh sistem pendidikan perlu dirombak semula. Laporan Barnes telah mendapat tentangan hebat daripada beberapa golongan masyarakat, khususnya kaum Cina yang berpendapat bahawa laporan itu merupakan usaha untuk membekukan dan menghapuskan bahasa dan kebudayaan mereka.

Ini kerana salah satu syor laporan tersebut ialah sekolah-sekolah vernakular Melayu, Cina dan Tamil hendaklah dibubarkan dan digantikan dengan satu jenis sekolah sahaja iaitu sekolah kebangsaan.³⁴ Untuk mengkaji masalah pendidikan Cina, sebuah jawatankuasa jemputan yang diketuai oleh Dr. W.O. Fenn dan Dr. Wu Teh Yau telah menjalankan kajian. Laporan mereka dikenali sebagai Laporan Fenn-Wu. Di antara lain,

laporan ini menerima Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tetapi mengesyorkan supaya enam tahun pertama pendidikan kanak-kanak itu mestilah diajar dalam bahasa ibunda.

Kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa yang berasingan bagi mengkaji kedua-dua sistem pendidikan iaitu pendidikan Melayu dan Cina, tetapi tidak melantik jawatankuasa untuk mengkaji tentang pendidikan Tamil walaupun masyarakat India merupakan populasi ketiga terbesar di Tanah Melayu. Maka reaksi masyarakat Tamil pada masa itu ialah mengeluarkan memorandum yang dikenali sebagai *Memorandum on Indian Education in the Federation of Malaya*.

Cadangan-cadangan memorandum ini ialah:³⁵

- (a) Sekurang-kurangnya tiga tahun pertama hendaklah dalam bahasa ibunda; lisan Bahasa Melayu boleh diperkenalkan mulai tahun ketiga.
- (b) Semua kanak-kanak tidak kira kaum hendaklah belajar dalam satu premis yang sama untuk melahirkan ‘common Malayan nationality’.
- (c) Dalam tahun keempat, pelajar-pelajar diperkenalkan Bahasa Inggeris secara ‘direct method’ oleh guru-guru yang berkelayakan. Namun bahasa pengantar bagi subjek-subjek lain hendaklah dalam bahasa ibunda.
- (d) Dalam tahun keempat, pengajaran hendaklah dijalankan dalam bahasa Inggeris supaya tidak kira kanak-kanak kaum apa pun dapat berhubung di antara satu sama lain.
- (e) Dalam tahun kelima Bahasa Melayu Roman hendaklah diajar bersama-sama dengan bahasa ibunda dan Bahasa Inggeris. Namun, bahasa pengantar kecuali bagi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris hendaklah dalam bahasa ibunda.
- (f) Dalam tahun keenam pula, bahasa pengantar hendaklah dalam Bahasa Inggeris bagi semua kaum pelajar dan kesemua mereka hendaklah belajar bersama. Namun peluang hendaklah diberi bagi pembelajaran bahasa ibunda sebagai salah satu subjek.

Berikut dengan perkembangan-perkembangan yang diteliti tadi, sebuah Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan. Satu daripada tiga objektif jawatankuasa tersebut ialah penggunaan dua bahasa secara beransur-ansur di Sekolah Vernakular Melayu dan penggunaan tiga bahasa bagi Sekolah-sekolah Vernakular Cina dan Tamil supaya sekolah-sekolah ini dapat diserapkan ke dalam sistem persekolahan kebangsaan. Sebagai hasil laporan jawatankuasa ini, maka diluluskan Ordinan 1952 yang menetapkan Sekolah Kebangsaan sebagai corak sistem persekolahan. Bahasa Tamil dan Cina diajarkan sebagai bahasa ketiga tetapi Sekolah Vernakular Tamil dan Cina tidak diterima sebagai sistem persekolahan kebangsaan.³⁶ Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris tetap terus dikenalkan dan Sekolah Menengah Vokasional perlu dimajukan dan ditambah bilangannya.

Laporan Razak (1956) menekankan bahawa pendidikan seharusnya berkisarkan garis-garis nasional dan bukannya garis komunal. Matlamat ini dapat dicapai dengan pengenalan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Pendidikan vernakular Tamil dan Cina akan berterusan.³⁷ Laporan ini memberi satu macam perjanjian bahawa sekolah-sekolah Tamil dan Cina akan terus wujud.

Seterusnya Laporan Rahman Talib (1960) telah memantapkan lagi daptan Laporan Barnes dan Laporan Razak. Laporan Rahman Talib mengesyorkan Sekolah Melayu dijadikan sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah yang beraliran lain dikenali sebagai Sekolah Jenis Kebangsaan. Ekoran daripada itu, semua sekolah diletakkan di bawah penguasaan kerajaan.

Rumusan

Bagi pihak British, pada tahap awal, pendidikan Tamil tidak begitu penting disediakan untuk orang India Selatan yang datang bekerja sebagai kaum buruh. Usaha tersebut telah dipelopori oleh orang perseorangan dan badan-badan mubaligh. Usaha perseorangan menyebabkan pendidikan dijalankan secara tidak formal serta tidak mengharapkan ganjaran. Mubaligh Kristian dan Hindu pula telah membuka banyak sekolah Tamil di Tanah Melayu. British mula memberi tumpuan terhadap pendidikan kaum Tamil setelah diluluskan Kod Buruh 1923.

Jika dikaji sebab-sebab pencapaian rendah pelajar-pelajar sekolah Tamil, antara lain ialah keadaan penduduk India khususnya orang Tamil yang tidak tinggal menetap di sesuatu tempat itu. Mereka sentiasa berpindah-randah mencari majikan yang memberi gaji lebih. Yang keduanya ialah, masalah mendapatkan guru-guru sekolah Tamil yang terlatih dengan gaji yang memuaskan dan yang ketiganya ialah sikap pelajar sendiri yang datang ke sekolah tidak mengikut waktu yang ditetapkan. Perbandingan pencapaian di antara sekolah menjelaskan bahawa secara amnya sekolah-sekolah Tamil yang dikendalikan oleh kerajaan dan badan-badan mubaligh mempunyai tahap pencapaian yang lebih tinggi daripada sekolah-sekolah Tamil estet kecuali di beberapa buah sekolah estet di mana penduduk estet itu boleh dianggap sebagai penduduk tetap dan merupakan kanak-kanak generasi kedua. Dalam hal ini jelaslah bahawa semua pihak yang terlibat iaitu pihak pengurusan ladang, guru-guru, ibu bapa dan kanak-kanak itu sendiri tidak menunjukkan sikap positif dalam menaikkan taraf pencapaian sekolah Tamil sebelum merdeka secara umumnya

Nota Hujung:

¹ Marimuthu Rajoo, 'Sejarah Perkembangan Sekolah-Sekolah Tamil: Di Daerah Hilir Perak', Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera dalam bidang sejarah, Sesi 1994/1995, hal. 31.

² Kenyataan Encik P. Perumal pada 29 November 2001. Beliau pernah tinggal di kawasan Cheras semasa beliau masih kanak-kanak di mana bapa beliau pernah bekerja di Jabatan Municipality. Sekarang beliau berusia 82 tahun.

³ Daun lontar dikerat dan dikeringkan., kemudian disapukan kunyit supaya dapat bertahan lama. Selepas ditulis di atas daun ini, maka disapu dengan serbuk arang yang bercampur sedikit air.Tujuannya ialah supaya tulisan itu dapat dibaca dengan jelas; kenyataan Encik P.V.Kasinathan pada 28 Disember 2001.

⁴ D.D. Chelliah, A History of the Educational Policy of the Straits Settlements, with Recommendations for a New System Based on Vernaculars, Singapore: G.H. Kiat, 1960, hal. 42.

⁵ Ibid., 40.

⁶ 150 Years of Education in Singapore, Singapore: Stamford College Press, 1969, hal. 116.

⁷ Annual Report on Education in Malayan Union for 1947, by H.R. Cheeseman, Kuala Lumpur: Government Press, 1948, hal. 25.

⁸ D D. Chelliah, A History of the Educational Policy of the Straits Settlements, with Recommendations for a New System Based on Vernaculars, hal. 81.

⁹ Sel. Sec. B.R.O. 1901, 7130/01, Taj: Education for Tamil Children.

¹⁰ Indian Immigration to the F.M.S. Resolutions and Recommendation of a Commission Appointed by the Acting Resident General of F.M.S., Kuala Lumpur: Selangor Government Printing Office, 1901, hal. 2.

¹¹ Philip Loh Fook Seng, Seeds of Separatism, Educational Policy in Malaya, 1874-1940, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hal. 44.

¹² Ibid.

¹³ Ibid., hal. 45.

¹⁴ Sel. Sec. B.R.O. 1903, 3493/1903, Taj: Tamil Vernacular Education.

¹⁵ Philip Loh Fook Seng, Seeds of Separatism, Educational Policy in Malaya, 1874-1940, hal. 46.

¹⁶ Federation of Malaya, Annual Report on Education for 1949, by M.H. Holgate, M.A., Director of Education of Malaya, Kuala Lumpur: Government Press, 1950, hal. 64.

¹⁷ The Malay Weekly Mail, May 12, 1938.

¹⁸ Abu Zahari bin Abu Bakar, Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia, Zaman Sebelum Merdeka Hingga Zaman Sesudah Merdeka, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1980, hal. 26.

¹⁹ Annual Report on Education in the Straits Settlements for the Year 1936, hal. 33.

²⁰ Annual Report on Education for 1949, by M.H. Holgate, Director of Education of Malaya, Kuala Lumpur: Government Press, 1950, hal. 65.

²¹ Ibid., hal. 66.

²² Annual Report on Education in the Straits Settlements for the Year 1936, hal. 35.

²³ Annual Report on Education in the Federated Malay States for the Year 1936, hal. 35.

²⁴ The Malay Weekly Mail, 16 June 1938.

²⁵ Annual Report On Education for 1949, hal. 65.

²⁶ Sel. Sec. B.R.O. 1908, 2045/08, Taj: New Education Code for the S.S. and F.M.S., 1908.

²⁷ General Regulations for Indian Vernacular Schools in the S.S and F.M.S., issued by Education Department 1936.


²⁸ Istilah *Primary* bermaksud kelas tadika yang dikenali sebagai *Kutti Pallar* dalam Bahasa Tamil. Istilah ini kemudiannya ditukar kepada Darjah 1. Setelah penukaran nama kepada Darjah 1 itu, barulah wujud Darjah 1 hingga Darjah VII. Sebelum itu hanya terdapat tahap Primary hingga Darjah VI; kenyataan Encik S. Kandasamy, bekas pelajar Sekolah Tamil Telok Datoh, Selangor, pada 15 Disember, 2001.

²⁹ Arasaratnam Sinnappah, "Malaysian Indians, The Formation of Incipient Society", dalam Indian Communities in Southeast Asia, (ed) K.S. Sandhu and A. Mani, Singapore: Times Academic Press, 1993, hal. 202.

-
- ³⁰ N.J. Colletta, "Malaysia's Forgotten People: Education, Cultural Identity and Socio-Economic Mobility Among South India Plantation Workers", dalam Pluralism in Malaysia: Myth and Reality, (ed) Judith A. Nagata, Leiden: E.J. Brill, 1975, hal. 107.
- ³¹ Sel. Sec. B.R.O. 1923, Vol. 1, 1468/23, Taj: Estate Schools, Anonymous Complaints Against.
- ³² Sufean Hussin, Pendidikan Di Malaysia, Sejarah, Sistem dan Falsafah, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993, hal. 24.
- ³³ Ibid , hal. 25.
- ³⁴ Ibid.
- ³⁵ Memorandum on Indian Education in the Federation of Malaya, hal. 3
- ³⁶ Sufean Hussin, Pendidikan di Malaysia, Sejarah, Sistem dan Falsafah, hal. 26.
- ³⁷ Daniel, J. Rabindra, "A General Survey on Education Amongst the Malaysian Indian Plantation Community", dalam Malaysia in History, no. 24, 1981, hal. 79.

PETA 3

SELANGOR PADA TAHUN 1893



Sumber: Selangor Darul Ehsan, Satu Persepsi Sejarah, disunting oleh Profesor Dato' Khoo Kay Kim dan Paiman Keromo, Kuala Lumpur: Muzium Negara Malaysia, 1989, hal. 7.